



KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN.BHD.

POLISI PENGURUSAN HUTAN DAN ALAM SEKITAR

Kumpulan pengurusan kayu kayan trengganu sdn. Bhd. Adalah sebuah anak syarikat Golden Pharos berhad yang dianugerahkan perjanjian konsesi hutan simpan oleh kerajaan negeri Terengganu di dungun timber kompleks (DTC) dengan keluasan 106, 697 ha. Kami berdedikasi untuk melaksanakan amalan-amalan memelihara alam sekitar dan sumber hutan berkekalan. Matlamat jangka masa panjang kami ialah mendapatkan pulangan yang optimum daripada penggunaan kayu hutan hujan tropika secara berkekalan melalui operasi pembalakan terancang yang sejajar dengan kadar pertumbuhan semulajadi pokok-pokok di hutan.

Kami akan melakukan perkara-perkara berikut untuk mencapai komitmen kami:

- Mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan lain yang berkaitan dengan pengurusan hutan. Memenuhi dan mematuhi semua syarat-syarat yang terkandung dalam lesen perjanjian dan perjanjian syarat-syarat alam sekitar.
- Beroperasi mengikut pelan pengurusan hutan yang telah dirancang selaras dengan prinsip-prinsip pengurusan hutan berkekalan.
- Menyediakan pelan penuaian terperinci dan melaksanakan dan melaksanakan pembalakan mesra alam dalam operasi penuaian kayu balak sebagai langkah meminimakan impak negatif terhadap persekitaran hutan, melindungi pokok-pokok, menjaga sumber air serta habitat hidupan liar dan mengurangkan hakisan tanah.
- Melaksanakan amalan silvikultur untuk mengoptimumkan pertumbuhan pokok-pokok semulajadi yang bernilai komersial. Menanam pokok-pokok dari pelbagai spesis di dalam hutan (lorong penarik dan matau hutan) sebagai cara untuk menggalakkan pertumbuhan di kawasan-kawasan yang kurang kepadatan dirian tinggal dan kawasan yang telah dibuka semasa operasi penuaian.
- Menjalankan pemantauan kerja-kerja hutan dan membuat penilaian berkala terhadap kawalan operasi demi meningkatkan prestasi pengurusan hutan dan alam sekitar kami.
- Memberi keutamaan dari segi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam usaha untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka. Menyediakan latihan-latihanyang telah dikenalpasti bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para pekerja. Menghormati semua hak undang-undang atau adat yang dipengaruhi oleh aktiviti pengurusan kawasan hutan yang ditetapkan.
- Menetapkan, melaksanakan dan menilai objektif sasaran alam sekitar pada setiap tahun.

- Menyampaikan dan menjelaskan polisi ini kepada para pekerja disemua peringkat pekerjaan. Memastikan polisi ini boleh diperolehi oleh pihak-pihak berkepentingan serta orang-orang awam yang berminat.
- Menyampaikan dan menjelaskan polisi ini kepada para pekerja disemua peringkat pekerjaan. Memastikan polisi ini boleh diperolehi oleh pihak berkepentingan serta semua orang awam yang berminat.
- Melindungi nilai biologi, social dan fizikal hutan simpan DTC dan mengambil langkah-langkah penguatkuasaan yang berkala untuk mengekalkan atau meningkatkan nilai-nilai tersebut.
- Mengelakkan penggunaan segala bahan kimia untuk mengawal serangga perosak dan rumpai serta kegunaan dalam konsesi hutan.
- Sisa buangan (Schedule Waste) perlu diuruskan dengan cara yang telah diperuntukkan dalam akta Environment Quality (Schedule Waste) Regulation 2005.

Kami komited untuk mematuhi piawaian bebas Malaysia Criteria and indicator (MC&I) dan Badan Pensijilan Antarabangsa, Forest Stewardship Council (FSC) dan sistema Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001 (2004) sebagai landasan piawaian untuk perlaksanaan pengurusan hutan berkekalan dan prestasi alam sekitar kami.



Timbalan Pengurus Besar

Tarikh: 12/12/2022



KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU SDN.BHD.
POLISI DAN DASAR